

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Kosmo

TARIKH : Jumaat, 27 November 2015

M/S : 4

Malaysia mampu saingi negara maju dalam industri penulisan

KUALA LUMPUR - Malaysia mampu menyaingi negara-negara maju dalam industri penulisan jika lebih banyak buku intelektual diterbitkan untuk pasaran antarabangsa.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi (**gambar**) berkata, golongan intelektual di negara ini perlu meneliti sama ada buku mereka benar-benar berkualiti dan memenuhi cita rasa masyarakat masa kini.

"Jika penerbitan itu mempunyai asas keintelektualan dan penyelidikan berdasarkan fakta-fakta empirikal yang disesuaikan kepada cita rasa dan kehendak, saya fikir buku itu ada daya pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap pada Majlis Anugerah Buku Negara dan Ekspo Buku Malaysia 2015 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.



Turut hadir Pengerusi Yayasan Pembangunan Buku Negara, Hasan Hamzah.

Pada majlis itu, Tan Sri Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas dinobatkan sebagai Tokoh Buku Negara manakala Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim sebagai Tokoh Sejarawan.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri melahirkan rasa kesal kerana bilangan buku yang diterbitkan dalam negara masih belum mencapai

standard ditetapkan iaitu satu peratus buku diterbitkan berdasarkan jumlah kependudukan negara ini.

Justeru, Ahmad Zahid mencabar setiap sarjana tempatan menerbitkan sekurang-kurangnya satu judul buku setahun dan beliau turut mengumumkan peruntukan kerajaan sebanyak RM2 juta untuk Yayasan Pembangunan Buku Negara pada tahun depan.